

**PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN**  
**[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 48**

**SOALAN:**

**YB Dr. Haji Izani bin Haji Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme yang berkesan untuk menurunkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai langkah dan inisiatif telah diperkenalkan bagi menurunkan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia. Impak atau keberkesanan inisiatif-inisiatif ini terbahagi kepada jangka pendek dan jangka panjang, ada yang dapat dilaksanakan dengan mudah malah keberkesananannya juga dapat dirasakan dalam masa yang singkat dan ada pula merupakan inisiatif jangka panjang yang hanya akan

dilihat atau dirasa keberkesannya dalam beberapa tahun akan datang kerana ia berbentuk pencegahan dan bukannya operasi.

Usaha-usaha serta mekanisme yang telah dilaksanakan adalah penguatkuasaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 bagi menggalakkan orang awam tampil untuk memberikan maklumat mengenai sebarang salah laku atau perlakuan rasuah, pewujudan pangkalan data pesalah rasuah bagi memberikan kesedaran dan pengajaran kepada mereka-mereka yang mahu terlibat dengan perlakuan rasuah bahawa mereka akan mendapat malu sekiranya disabitkan, pelaksanaan hukuman yang lebih berat sekiranya disabitkan dengan kesalahan rasuah, penubuhan unit integriti di setiap Kementerian dan agensi bagi mengesan dan mengurangkan salah laku dikalangan pegawai, anggota dan kakitangan agensi.

Di antara inisiatif penting yang sedang dikaji untuk dilaksanakan adalah dengan memasukkan peruntukan undang-undang mengenai 'Corporate Liability' (Tanggungjawab Korporat) ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Undang-undang ini memperuntukkan bahawa pihak majikan sektor korporat akan diambil tindakan sekiranya didapati ada pegawai atau pekerja mereka yang terlibat dengan perlakuan atau perbuatan rasuah melainkan pihak majikan dapat membuktikan bahawa mereka telah meletakkan asas-asas pencegahan rasuah didalam organisasi mereka.

Selain daripada melaksanakan inisiatif-inisiatif anti-rasuah, Kerajaan juga melaksanakan program dialog bersama pihak-pihak Dewan

Perniagaan antarabangsa seperti American Chambers of Commerce (AMCHAM), Malaysia German Chambers of Commerce (MGCC), Malaysia Canada Business Council (MCBC), European United Malaysia Chambers of Commerce and Industry (EUMCCI) dan pelbagai Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) termasuk pertubuhan-pertubuhan belia bagi memaklumkan usaha-usaha serta inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan. Golongan ini merupakan sasaran atau responden untuk kajian-kajian konstituen yang diambilkira untuk penarafan skor dan kedudukan dalam CPI.

Walau apa pun, segala usaha untuk meningkatkan skor dan kedudukan Malaysia dalam CPI bukanlah terletak di bahu Kerajaan sahaja. Ia seharusnya menjadi agenda dan usaha seluruh rakyat Malaysia tidak kira pegangan agama, ideologi politik, bidang pekerjaan samada sektor awam atau swasta.

Sekian, terima kasih.